



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MUHASABAH UNTUK KEBERKATAN USIA

Tarikh Dibaca :

**30 Rabiulakhir 1441H/
27 Disember 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



MUHASABAH UNTUK KEBERKATAN USIA
(27 Disember 2019M / 30 Rabiulakhir 1441 H)

أَحْمَدُ لِلَّهِ عَلَى إِحْسَانِهِ وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، شَهَادَةً مِنْهُ هُوَ خَيْرٌ مَقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدُ الْأَنْبَاءِ، بَعَثَهُ مَوْلَاهُ هَادِيًّا وَمُرْشِدًا وَمُرِيًّا وَمُعَلِّمًا، وَعَلَى آلِهِ الطَّاهِرِينَ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَنْوَفِّكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

قَدِيرٌ ٧٠

Sidang Jemaah yang dikasihi,

Marilah sama-sama kita perbaiki diri dengan mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT, menjunjung akan segala titah perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan kita akan beroleh manfaat untuk kebaikan di dunia dan di akhirat.

Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:
“MUHASABAH UNTUK KEBERKATAN USIA”



Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini amatlah singkat berbanding kehidupan abadi di akhirat, maka sudah pasti kita perlu menyusun langkah supaya dapat memanfaatkan setiap saat serta umur yang dianugerahkan oleh Allah SWT dengan melakukan sebanyak-banyak amal soleh untuk mencapai keredhaan-Nya. Adakah kita sedar sebenarnya usia kita ini adalah modal, sama seperti modal untuk menjalankan sesuatu perniagaan. Tanpa modal kita tidak dapat menjalankan perniagaan bagi meraih keuntungan.

Ketika berdoa kita seringkali memohon kepada Allah SWT agar dipanjangkan usia, namun terkadang kita lupa untuk memohon keberkatan usia agar sentiasa dalam ketaatanNya. Apalah gunanya umur yang panjang, tetapi berterusan bergelumang dalam noda dan dosa. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi RHM daripada Saidina Abu Bakar RA:

أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ النَّاسِ خَيْرٌ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَحَسُنَ عَمَلُهُ. فَأَيُّ النَّاسِ شَرٌّ؟ قَالَ: مَنْ طَالَ عُمُرُهُ وَسَاءَ عَمَلُهُ.

Maksudnya: “Sesungguhnya seorang lelaki bertanya kepada Nabi Muhammad SAW, “Siapakah manusia yang baik?” Maka Nabi SAW menjawab: “Orang yang panjang umurnya dan baik pula amalannya. Lalu ditanya lagi: Siapakah seburuk-buruk manusia? Maka Nabi SAW menjawab: Orang yang panjang umurnya tetapi buruk amalannya.”

Hadis tersebut menjelaskan kepada kita bahawasanya setiap insan yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan juga hari akhirat tidak boleh mensia-siakan usia yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Usia atau umur



tersebut perlulah diisi dengan perkara-perkara yang bermanfaat seperti melakukan amal soleh dan menuntut ilmu.

Sidang Jemaah yang dimulihkan Allah,

Usia adalah amanah besar yang mesti dipelihara dan dimanfaatkan dengan kebaikan dan amal soleh. Fitrah manusia cenderung mencintai harta dan kesenangan dunia, juga mengimpikan usia yang panjang. Bahkan semakin bertambahnya usia seseorang, keinginan terhadap harta dan hidup lama di dunia semakin bertambah. Sedarlah bahawa kematian itu adalah sesuatu yang pasti. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari RHM daripada Anas Bin Malik RA, Nabi SAW:

يَكْبُرُ ابْنُ آدَمَ وَيَكْبُرُ مَعَهُ اثْنَانِ؛ حُبُّ الْمَالِ وَطُولُ عُمُرِهِ

Maksudnya: “Semakin berusia Anak Adam, semakin membesar bersama (di jiwanya) dua perkara: Cintakan Dunia dan Panjang Umur.”

Seseorang yang dikurniakan Allah dengan usia yang panjang hendaklah berwaspada dan jangan hanyut dibuai dengan nikmat dunia sehingga mensia-siakannya. Sedangkan kurniaan usia yang panjang itu adalah ujian daripada Allah SWT. Hal ini sebagaimana firman-Nya di dalam surah Fatir ayat 37:

أَوَلَمْ نَعْمَرِكُمْ مَا يَتَذَكَّرُ فِيهِ مَنْ تَذَكَّرَ وَجَاءَكُمُ النَّذِيرُ فَذُوقُوا فَمَا لِلظَّالِمِينَ مِنْ نَصِيرٍ



Maksudnya: “Bukankah kami telah melanjutkan umur kamu dan memberikan masa yang cukup untuk berfikir dan beringat pada-Nya bagi sesiapa yang suka berfikir dan beringat? Dan kamu pula didatangi oleh Rasul (Kami) yang



memberi amaran, oleh itu rasailah azab seksa kerana orang-orang yang zalim itu tidak akan beroleh apa pun pertolongan.”

Menurut Sheikh Sayyid al-Tantawi dalam kitabnya ***Tafsir al-Wasith***, ayat ini menjelaskan bagaimana Allah SWT memberi teguran dan amaran kepada insan-insan yang terus lalai dengan kehidupan dunia sedangkan usia mereka itu sebenarnya mampu untuk mencari kebenaran.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Sebelum tahun 2019 melabuhkan tirainya, marilah kita semua merenung dan bermuhasabah terhadap segala amalan kita sepanjang tahun ini. Adakah ia layak untuk dipersembahkan di hadapan Allah swt? Adakah amalan kita selama ini mampu melepaskan diri daripada azab kubur dan kesengsaraan di padang mahsyar kelak?

Kebanyakan manusia mengeluh kerana sibuk dengan kerjaya dan masalah dunia sehingga tidak dapat merasai manisnya ibadah, tidak khusyuk dalam solat dan malas melakukan ibadah dan kebajikan. Penyakit-penyakit ini perlu diubati segera dan salah satu caranya adalah dengan bermuhasabah. Amalan muhasabah juga akan membantu seseorang Muslim untuk merencana perancangan lebih baik supaya apa dihajati akan mudah untuk dilaksana. Saidina Umar al-Khattab RA pernah berkata:

أَيُّهَا النَّاسُ! حَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوا؛ وَزِنُوا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُوزَنَ عَلَيْكُمْ

Maksudnya: *“Hisablah diri sebelum kamu dihisab dan timbanglah amalan sebelum kamu ditimbang kelak pada hari akhirat”*.



Kata-kata ini mengisyaratkan kepada kita bahawa amalan bermuhasabah perlu diterapkan dalam budaya hidup setiap muslim melalui penilaian, mengambil iktibar peristiwa silam dan seterusnya bertaubat serta berazam untuk terus mara dalam menentukan kejayaan dalam hidup. Tambahan pula, peristiwa yang telah berlalu adalah pengalaman yang mampu menginsafkan seseorang terhadap kesilapannya di samping menjadi pengajaran berguna dalam mendepani cabaran hidup.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sebagai kesimpulannya, beberapa pengajaran penting yang dapat diambil dari khutbah pada minggu ini adalah:

Pertama: Usia adalah amanah besar yang mesti dipelihara. Ia harus dimanfaatkan dengan pelbagai kebaikan dan ketaatan serta amal soleh.

Kedua: Usia manusia yang baik dinilai pada keberkatannya yang terhasil dari amal solehnya.

Ketiga: Amalan bermuhasabah mampu menginsafkan seseorang terhadap kesilapannya di samping menjadi pengajaran berguna dalam mendepani cabaran hidup.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah kita sama-sama merenungi firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 96:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَلَنَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاتِهِ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَمَّرُ أَلْفَ سَنَةٍ
 وَمَا هُوَ بِمُزَحَّزَجَةٍ مِنَ الْعَذَابِ أَنْ يُعَمَّرَ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) akan dapati mereka itu setamak-tamak manusia kepada hidup (yang lanjut masanya) melebihi tamak orang-orang kafir musyrik. Tiap-tiap seorang dari mereka suka sekiranya dia boleh hidup seribu tahun, padahal umur yang panjang sedemikian tidak dapat melepaskan dari azab Allah. Dan ingatlah Allah sentiasa melihat apa yang mereka lakukan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتُوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.



وَكَذَلِكَ كَبَاهُ دُوِي يَغ مَهَا مُوَلِيَا سِرِي قُدُوك بَكِينِدَا رَاج فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ،
تُونُكو (Tunku) حَاجَه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَندَرِيَّةٌ بِنْتِ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَيَّ
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَندَرَ الْحَاجِ .

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِيْنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِ كَلِمَتَكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

رَبَّنَا اَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
عِبَادَ اللّٰهِ،

اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيْتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.